



SIARAN MEDIA

5 KONTIJEN UDA HOLDINGS BERHAD BERSAING UNTUK MEREbut PIALA SUKDA 2014

Bangi, 8 Mac - Tahun 2014 menyaksikan sekali lagi kejayaan UDA Holdings Berhad dalam menganjurkan Kejohanan Sukan UDA 2014 (SUKDA) secara besar-besaran yang melibatkan penyertaan seluruh Warga Kerja Kumpulan UDA.

Kemunculan kembali kejohanan ini setelah hampir 20 tahun penganjurannya yang terakhir, SUKDA 2014 telah berlangsung dengan gilang gemilang selama 3 hari bermula pada 7 hingga 9 Mac 2014 bertempat di Institut Penilaian Negara (INSPEN), Bangi, Selangor. Kejohanan ini mempertaruhkan 11 acara iaitu Badminton, Ping Pong, Bola Padang, Futsal, Bola Jaring, Bola Tampar, Dart, Karom, Tarik Tali, Bowling serta Perbarisan.

“Sinergi Menuju kejayaan”, moto bagi kejohanan SUKDA pada kali ini menjadi menjadi pembakar semangat kepada 5 kontijen yang mewakili syarikat masing-masing yang terdiri daripada Kontijen UDA Holdings Berhad, Kontijen UDA Land Sdn Bhd, Kontijen UDA Mall Sdn Bhd, Kontijen UDA Dayaurus Sdn Bhd dan juga Kontijen UDA Leisure Sdn Bhd beraksi dan berentap di Gelanggang SUKDA 2014 bagi merebut gelaran juara dan seterusnya membawa pulang Piala SUKDA 2014. SUKDA 2014 juga merupakan persiapan terakhir buat atlet-atlet UDA yang terpilih mewakili UDA ke Pertandingan Sukan Gabungan Agensi Amanah Bumiputera (GEMAPUTRA) yang dijadualkan berlangsung pada 26 hingga 29 Mac 2014 bertempat di Kuantan, Pahang.

Menurut Pengerusi UDA Holdings Berhad, YB Datuk Johari Abd Ghani semasa beliau merasmikan Kejohanan ini, "Kejohanan SUKDA 2014 merupakan platform yang terbaik bagi merapat dan mengukuhkan jalinan ukhwah di antara Warga Kerja Kumpulan UDA serta dapat membentuk nilai-nilai positif dalam diri atlet-atlet UDA. Kejohanan ini juga juga bukan sahaja dapat melahirkan warga kerja Kumpulan UDA yang mempunyai tubuh badan yang sihat serta minda yang cerdas, malah akan menjadi pemangkin kearah mutu kerja yang lebih berkualiti".

"Dengan kejayaan penganjuran SUKDA pada hari ini, saya berharap ianya dapat mewujudkan sinergi yang positif diantara semua pihak khususnya pihak pengurusan serta warga kerja UDA secara berterusan agar matlamat UDA untuk menjadi 10 pemaju terbaik dalam masa 5 tahun mendatang dapat dicapai namun amanah dan matlamat asal UDA akan digarap dengan kemas," ujar beliau lagi

Setelah penat bersaing di Gelanggang SUKDA 2014, tibalah acara kemuncak kejohanan ini di mana telah berlangsungnya majlis Makan Malam dan Penyampaian Hadiah kepada Kontijen yang berjaya membawa pulang Piala Pusingan SUKDA. Pada masa yang sama juga, pemenang bagi Pertandingan Mencipta Logo bagi SUKDA telah diumumkan dan menerima wang tunai berjumlah RM500 ringgit. Dengan kehadiran artis jemputan yang terkenal iaitu, Dato Hattan telah menceriakan lagi majlis makan tersebut dengan dendangan nyanyian lagu-lagu beliau yang tersohor.

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi :-

Puan Latifah Osman (Lat)
Seksyen Komunikasi Korporat
BB Plaza, Lot 111, Jalan Bukit Bintang
55100 Kuala Lumpur
Tel : 03-2730 8469
Faks : 03-2731 2855
Email : lat@udanet.com
H/P : 012-291542

Norazuana Abdullah (Wana)
Seksyen Komunikasi Korporat
BB Plaza, Lot 111, Jalan Bukit Bintang
55100 Kuala Lumpur
Tel : 03-27308500 samb 2817
Faks : 03-2731 2855
Email : norazuana@udanet.com
H/P : 019-2239153